

Kita tidak hantar tentera ke Iraq

UM 19 AUG 2003

DAMSYEK 18 Ogos — Malaysia tidak kena mengena dengan apa yang berlaku di Iraq sekarang dan tidak akan menghantar tentera untuk mengawal keamanan di negara itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau memberitahu sidang media di sini, Malaysia mengambil pendirian ini juga kerana apa yang berlaku ke atas Iraq tidak mendapat kelulusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dr. Mahathir menjawab pertanyaan seorang wartawan Syria yang meminta komennya terhadap permintaan Amerika Syarikat (AS) kepada negara-negara Islam supaya turut mengambil bahagian dalam menjaga keamanan di Iraq yang ditakluki oleh tenteranya dengan bantuan Britain.

Sebelum ini, beliau pernah menyeru tentera AS dan Britain keluar dari Iraq, dan PBB mengambilalih kawalan sepenuhnya bagi menyelamatkan negara tersebut daripada terjerumus ke keadaan yang lebih huru-hara.

Perdana Menteri juga menegaskan, Malaysia sangat dukacita dengan apa yang berlaku di rantau Timur Tengah sekarang yang punca asalnya adalah penaklukan Israel ke atas wilayah Palestin.

Bagi mewujudkan semula keamanan di rantau itu, beliau berpendapat Israel mestilah keluar dari wilayah yang ditawan dan berundur semula ke sempadan asal.

Bantuan

Selepas itu, semua pelarian Palestin di seberang laut hendaklah pulang semula ke tanah air mereka dan kedua-dua pihak hendaklah menamatkan serangan ke atas orang awam.

Sidang media itu diadakan bersama rakan sejawatannya, Mustapha Mero selepas perwakilan kerajaan kedua-dua negara yang mereka ketuai mengadakan mesyuarat rasmi di Pejabat Perdana Republik Syria di sini.

Mustapha pula turut menyuarakan keyakinannya terhadap keupayaan Dr. Mahathir untuk mempengerusikan Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya Oktober ini ke arah menyatupadukan negara-negara Islam.

“Kita tahu bahawa Dr. Mahathir sentiasa mempertahankan kepentingan umat Islam seluruh dunia,” katanya.

Mengenai hubungan dua hala, Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia akan memberi bantuan sepenuhnya kepada Syria untuk merancang kejayaan ekonominya berpandukan pengalaman Malaysia.

“Apa yang kami tahu dan segala pengalaman yang dilalui akan dicurahkan sepenuhnya kepada Syria,” katanya.

Dan beliau kemudian mendedahkan sepenuhnya pengalaman Malaysia itu dalam ucapan yang panjang lebar kepada menteri-menteri kabinet Syria, ahli-ahli parlimennya, para penasihat kerajaan, para sarjana dan para pemimpin sektor swasta pada majlis dialog dengan mereka petang ini.

Pengalaman yang didedehkannya termasuklah pelaksanaan dasar yang mengambil kira kemajmukan rakyat Malaysia; perubahan daripada negara pertanian kepada perindustrian; usaha menguasai ICT; bagaimana menangani krisis kejatuhan nilai ringgit sehinggalah ke pelaksanaan strategi terbaru untuk menghadapi perkembangan ekonomi dunia yang semakin tidak menentu sekarang. — *Utusan*